

**Pembentukan Sahsiah Pelajar dan Hubungannya Dengan Pelaksanaan Amalan Solat:  
Kajian Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Kelantan**  
**[The Development Of Muslim Student's Character And Its Relationship With The  
Practice of Prayer: A Study in A Higher Education Institution in Kelantan]**

Mohd Khusyairie Marzuki<sup>1\*</sup>  
Mohd Muhiden Abdul Rahman<sup>2</sup>  
Affendi Ismail<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Al-Quran and al-Hadith Department, Academy of Islamic Studies, Universiti of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

<sup>2</sup>Academy of Islamic Studies Universiti of Malaya, Nilam Puri campus 16010 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

<sup>3</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Kelantan Machang campus 18500 Machang, Kelantan, Malaysia.

\*Corresponding author: mohdkhusyairie271@gmail.com

**Received Date: 10 July 2018**  
**Accepted Date: 27 January 2019**

**Abstract**

*The demise of morals among teenagers today including students from Higher Education Institutions is on a worrying trend. Adolescent moral crisis is more related to the individual and personality of the individual while the practice of prayer is generally often associated with the factors of the character development of the individual, especially individual Muslims. A student who carries on the duty of prayer is often associated with a good character. On the other hand, those who neglect in performing prayers are identified as one of the factors of moral problem. This article aims to study the level of the character development and the practice of prayers among students as well as to measure the relationship between development characters with the practice of prayer. To achieve this aim, this study was conducted on 100 respondents of full-time bachelor degree students of UiTM Kelantan Kota Bharu campus which is one of the Institutions of Higher Education in Kelantan. This study used a qualitative approach, descriptive analysis (mean and percentage) and inferential analysis (Pearson correlation) for analysing data using SPSS 22.0 software. The result of the study showed that the respondents' perception of prayer was able to give a good impression of a good character (mean = 4.78). The correlation analysis also shows that the frequency of prayer and characterisation of*

*the character is significant. This indicates a strong positive relationship indicator. This paper concludes that prayer has a positive attitude with the development of student character. This finding also implicates that UiTM's management needs to give a serious emphasis on the implementation of prayers by explaining its importance to the students.*

**Keywords:** *Student Character, Higher Education Institutions, Practice of Prayer*

### **Abstrak**

*Keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja pada masa kini termasuk pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dilihat semakin membimbangkan. Krisis keruntuhan akhlak remaja lebih berkait dengan permasalahan sahsiah dan peribadi seseorang individu, manakala amalan solat pula secara umumnya sering dikaitkan dengan faktor pembentukan kualiti sahsiah individu, khususnya individu Muslim. Seorang pelajar yang menjaga amalan solat, sering dikaitkan memiliki sahsiah mulia. Sebaliknya, mereka yang cuai dengan pelaksanaan solat pula dikenal pasti menjadi salah satu faktor keruntutan akhlak. Kajian ini bertujuan mengkaji tahap pembentukan sahsiah dan pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar serta mengukur hubungan antara pembentukan sahsiah dengan amalan solat fardu. Bagi mencapai matlamat ini, kajian dijalankan terhadap 100 responden yang terdiri daripada para pelajar sepenuh masa ijazah sarjana muda di UiTM Kelantan kampus Kota Bharu yang merupakan salah satu daripada IPT di Kelantan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif; analisis deskriptif (min dan peratus) dan statistik inferensi (kolerasi Pearson) bagi menganalisis data kajian menggunakan perisian SPSS versi 22.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi responden terhadap amalan solat fardu mampu memberi impak kepada sahsiah mulia adalah baik skor (min=4.78). Analisis korelasi pula menunjukkan kekerapan solat fardu dan tahap pembentukan sahsiah adalah signifikan. Hal ini menunjukkan wujudnya indikator perhubungan positif yang kuat. Makalah ini merumuskan bahawa solat fardu dapat mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar. Dapatan makalah ini dapat memberi implikasi kepada pengurusan UiTM agar dapat memberikan penekanan yang serius terhadap pelaksanaan solat fardu dengan menjelaskan kepentingannya kepada para pelajar.*

**Kata kunci:** *Sahsiah pelajar, Institut Pengajian Tinggi (IPT) Kelantan, amalan solat*

## Pendahuluan

Solat dalam bahasa Arab bererti doa. Dalam istilah syarak, solat ialah beberapa perkataan, perbuatan yang dimulai dengan takbir disudahi dengan salam dan beberapa syarat tertentu. Ahmad Baie Jaafar. (2014). Solat merupakan salah satu rukun Islam dan menjadi kewajipan yang paling utama selepas tauhid. Apabila ibadat solat seseorang itu baik maka akan baiklah seluruh amal dan perbuatan, sebaliknya apabila rosak ibadatnya maka rosaklah seluruh amalannya. Hasan bin Salman. (2008). Kedudukan solat adalah amat tinggi dalam Islam. Ia merupakan tiang agama di mana agama tidak akan dapat ditegakkan dengan sempurna dalam diri seseorang kecuali setelah memberi perhatian yang serius tentang kewajipan dan kesempurnaannya. Di samping itu, solat juga merupakan tiang asas bagi amalan soleh yang lain. Ia juga merupakan antara amalan yang pertama sekali dihisab. Zaharuddin Abd Rahman (2012). Solat merupakan ibadah yang diwajibkan ke atas setiap orang Islam dan solat yang sempurna juga dapat menjauhkan manusia daripada segala perbuatan mungkar. Antara punca kepada berlakunya masalah sosial pada hari ni kerana kebanyakan remaja Muslim meninggalkan ibadat solat dengan sewenangnyanya tanpa rasa bersalah kepada PenciptaNya. Mereka lebih cenderung ke arah kehidupan keduniaan daripada melakukan ibadat dan ketaatan kepada Allah SWT. Sharifah Nur Abu. (2017)

## Latar Belakang Masalah

Saban hari, masalah gejala sosial remaja masa kini termasuk pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dilihat semakin serius. Krisis keruntuhan akhlak remaja lebih berkait dengan permasalahan sahsiah dan peribadi seseorang individu, manakala amalan solat pula secara umumnya sering dikaitkan dengan faktor pembentukan kualiti sahsiah individu, termasuk golongan pelajar. Seorang pelajar yang menjaga amalan solat, sering dikaitkan memiliki sahsiah mulia. Sebaliknya mereka yang cuai dengan pelaksanaan solat pula dikenal pasti menjadi salah satu faktor yang sebaliknya.

Beberapa tinjauan awal dan sesi temubual dengan warga UiTM Kelantan kampus Kota Bharu mendapati secara umumnya mereka bersetuju apabila dikaitkan keruntuhan gejala sosial remaja di IPT mempunyai kaitan yang rapat dengan peribadi individu yang tidak menunaikan solat fardu. Jiwa mereka tidak tenteram, memilih jalan pintas mencari kepuasan diri dengan terjebak ke kancang maksiat dan gejala sosial. Antara punca masalah ini, bermula dengan meninggalkan solat fardu, bergaul bebas tanpa batasan, menghisap rokok dan dadah serta lain-lain lagi. Terdapat beberapa faktor lain yang menjadi antara punca masalah ini seperti meninggalkan solat kerana sifat malas dan meninggalkan solat fardu kerana engkar kepada perintah Allah. Mereka yang sengaja meninggalkan solat fardu

tanpa alasan yang munasabah, secara tidak langsung akan mendorong diri seseorang untuk terjerumus melakukan kemungkaran kepada Allah.

## Objektif Kajian

1. Mengkaji tahap pembentukan sahsiah dalam kalangan pelajar.
2. Mengkaji tahap pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar.
3. Mengukur hubungan antara pembentukan sahsiah dengan amalan solat fardu pelajar.

## Persoalan Kajian

1. Apakah tahap pembentukan sahsiah dalam kalangan pelajar?
2. Sejauh manakah tahap pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar?
3. Bagaimana hubungan antara pembentukan sahsiah dengan amalan solat fardu pelajar?

## Skop Kajian

Kajian dijalankan di UiTM Kelantan kampus Kota Bharu yang merupakan salah sebuah IPT di negeri Kelantan. Seramai 100 orang responden dalam kalangan pelajar baharu sepenuh masa sesi kemasukan September 2017 semester 1, di peringkat pengajian ijazah sarjana muda, terdiri daripada lima program pengajian iaitu Perbankan Islam, Pengurusan Perniagaan, Pengurusan Pemasaran, Pengurusan Kewangan dan Statistik, Sains Komputer dan Matematik telah dipilih secara rawak untuk menjadi sampel kajian. Skop kajian ini menumpukan tiga aspek utama iaitu mengkaji tahap pembentukan sahsiah dan pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar serta mengukur hubungan antara pembentukan sahsiah dengan amalan solat fardu.

## Penyataan Masalah

Antara faktor-faktor pelajar tidak menunaikan solat yang dapat dikenal pasti termasuklah penekanan pendidikan tentang solat fardu oleh ibu bapa, tiada dorongan daripada masyarakat sekeliling, malah yang lebih membimbangkan lagi, terdapat segelintir ibu bapa pada hari ini yang tidak menunaikan solat. Ini berdasarkan temu bual dengan beberapa orang pensyarah di Jabatan Pengajian Am, Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka Hasna

Bidin, et. al , (2018). Begitu juga hasil dapatan kajian ke atas pelajar–pelajar Muslim di Kolej Komuniti Selandar Melaka, kajian yang dilakukan oleh Rahmat dan Mohd Toriq mendapati tahap kefahaman dan pelaksanaan solat fardu berada pada tahap yang sederhana (Hasna Bidin, 2016).

Sharifah Nur Abu (2017), menjelaskan, ibu bapa yang kurang memberi penekanan tentang kewajipan solat kepada anak-anaknya, meyebabkan pelajar tidak melakukan ibadat solat di rumah, maka ia memberi contoh yang tidak baik kepada pelajar untuk mempraktikkan dan mengamalkannya di rumah. Pada hakikatnya, pendidikan solat bukan sahaja perlu diberi penekanan di sekolah semata-mata tetapi harus bermula di rumah. Kegagalan sistem kekeluargaan itu sendiri dalam mendidik anak-anak untuk melakukan solat akan menyukarkan guru untuk memberi tunjuk ajar kepada mereka.

## Sorotan Literatur

Kajian mengenai pembangunan sahsiah remaja bertajuk *Keberkesanan Pembangunan Sahsiah Remaja Jabatan Belia Besut, Terengganu* ditulis oleh Nor Azlina Mat Jusoh. (2004). Kajian ini menunjukkan bahawa program yang dianjurkan oleh Jabatan Belia Besut amat berjaya apabila penerapan terhadap pendekatan Islam berdasarkan petunjuk sunnah berjaya menyelesaikan masalah sahsiah dalam kalangan remaja. Keberkesanan pembangunan sahsiah dalam kalangan remaja ini diukur hasil maklum balas responden terhadap sambutan dan minat, kefahaman dan penghayatan terhadap isi kandungan program yang disediakan.

Terdapat beberapa kajian pada peringkat sarjana dan satu kajian di peringkat Doktor Falsafah mengenai pembangunan akhlak. Kajian pembangunan bertajuk *Pembangunan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia Menerusi Penerapan Kemahiran Insaniah* yang dilakukan Rashidi Abbas (2014). Pengkaji memfokuskan pembangunan akhlak yang dibangunkan menerusi penerapan kemahiran insaniah, hasil kajian menunjukkan bahawa penerapan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar di universiti awam teknikal di Malaysia ini dapat membangunkan akhlak.

Lukman Hakimi (2014) dalam disertasinya berjudul *Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam Dalam Pembentukan Sahsiah Muslim: Kajian Terhadap Pelajar di Politeknik Pantai Timur* pula secara khusus telah menegaskan bahawa keberkesanan kurikulum pendidikan Islam menyumbang kepada faktor pembangunan akhlak, Beliau menggabungkan ketiga-tiga aspek teras Islam itu dengan pengajian sirah. Menurut beliau, bagi memantapkan lagi sahsiah pelajar, pengajian sirah juga boleh dijadikan sebagai bab yang perlu ada dalam subjek pendidikan Islam.

Mohamad Yusri Yubhi Md Yusoff (2004) menghasilkan kajian mengenai amalan solat bertajuk, *Kefahaman dan Pengamalan Solat Berdasarkan Sunnah Rasulullah: Satu Kajian di Kalangan Masyarakat Islam di Singapura*. Kajian tersebut memberi penekanan khusus terhadap sifat solat Rasulullah SAW, menilai kefahaman dan menganalisa pengalaman solat masyarakat Islam di Singapura sama ada bertepatan atau tidak dengan pengamalan solat Rasulullah saw.

Isyah Radiah Idris. (2000), menekankan kepada kepentingan pendidikan solat dengan tajuk disertasinya *Pendidikan Solat oleh Ibu Bapa Terhadap Anak-Anak dan Remaja di Kota Bharu, Kelantan*. Penulis menekankan terhadap peranan ibu bapa terhadap pendidikan solat anak-anak dan remaja. Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan dan kaedah pendidikan ibu bapa dalam mendidik anak-anak serta kesan ke atas individu.

Ahmad Hisham Azizan (2009) pula telah melakukan kajian bertajuk *Solat dan Nilai-Nilai Spiritual Dalam Menangani Gelisah Dalam Kalangan Remaja Islam : Kajian di Sekolah Berasama Penuh Integrasi (SBPI), Selangor*. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji keberkesanan ibadat solat secara berterusan sebagai salah satu kaedah untuk menangani penyakit gelisah dan mengkaji bentuk personaliti remaja Islam yang sesuai dalam menghadapi penyakit gelisah dalam kalangan remaja.

Setelah meneliti dapatan kajian-kajian lepas, makalah ini merumuskan bahawa pembentukan sahsiah dan pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar di UiTM Kelantan kampus Kota Bharu, adalah pelaksanaan solat fardu pada kadar yang sederhana. Ini dikaitkan dengan kurangnya kefahaman dan kesedaran tentang tanggungjawab mereka terhadap amanah yang Allah SWT berikan. Dalam makalah ini juga ingin mengetahui sejauh manakah tahap pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar dan melihat bagaimana hubungan antara pembentukan sahsiah dengan amalan solat fardu pelajar.

## Metodologi Kajian

### a. Rekabentuk Kajian

Makalah ini merupakan satu kajian yang berbentuk deskriptif. Othman Mohamed. (2001), menyatakan kajian deskriptif digunakan bagi menghuraikan taburan pola penyesuaian iaitu penyesuaian keseluruhan, akademik sosial, personal emosional dan penyesuaian matlamat: Mohd Majid Konting (2004) pula menyatakan bahawa kajian deskriptif ialah kajian yang bertujuan untuk menjelaskan tentang sesuatu fenomena yang berlaku. Objektif makalah ini dihasilkan adalah untuk mengenal pasti tahap pembentukan sahsiah pelajar Institusi

Pengajian Tinggi (IPT), mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong mereka menunaikan amalan solat dan menganalisis sikap pelajar terhadap amalan solat hubungannya dengan pembentukan sahsiah. Data-data dan maklumat diperolehi melalui sampel saiz tertentu dan maklum balas yang diberikan oleh responden.

## b. Populasi dan Sampel Kajian

Menurut Mohd Majid Konting (2004), populasi ialah satu set ciri yang menunjukkan ukuran yang tertentu ke atas sekumpulan individu atau objek. Mohd Najib Abdul Ghafar (1999) menyatakan sampel kajian ialah satu kumpulan kecil atau suatu *subset* yang diambil daripada populasi. Dengan kata lainnya, sebahagian daripada populasi yang dicerap oleh penyelidik. Sampel dalam kajian ini ialah pelajar UiTM Kelantan kampus Kota Bharu, sepenuh masa di peringkat pengajian ijazah sarjana muda yang terdiri daripada lima program pengajian iaitu Perbankan Islam, Pengurusan Perniagaan, Pengurusan Pemasaran, Pengurusan Kewangan dan Statistik, Sains Komputer dan Matematik telah dipilih secara rawak untuk menjadi sampel kajian. Responden dalam kajian ini ditentukan berdasarkan jadual penentuan sampel saiz Krejcie dan Morgan 1970 di mana, bilangan populasi seramai 150 orang pelajar ijazah sarjana muda sesi kemasukan September 2017 semester 1, memerlukan seramai 100 responden.

## c. Instrumen Kajian

Instrumen kajian dalam makalah ini menggunakan teknik pengumpulan data yang terdapat dalam borang soal selidik. Ahmad Sunawari Long. (2005), menyatakan bahawa soal selidik adalah kaedah yang paling banyak dan popular digunakan dalam kajian sains sosial. Soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam kajian untuk mendapatkan maklumat yang cepat dan tepat serta kelebihan soalan dalam soal selidik ini adalah memudahkan penyelidik untuk memasukkan data dan jawapan. Responden juga tidak perlu menulis penulisan yang penuh hanya perlu menandakan jawapan yang sesuai dalam masa yang singkat.

Skala likert 1-5 [1-Sangat Tidak Setuju], [2-Tidak Setuju], [3-Sederhana Setuju], [4-Setuju] dan [5-Sangat Setuju], diguna pakai kerana dianggap sesuai bagi kajian yang menggunakan reka bentuk tinjauan (survey). Instrumen borang soal selidik dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu Bahagian A (Demografi Responden), Bahagian B (Persepsi Terhadap Amalan Solat Fardu), Bahagian C (Tahap Kekerapan Solat Fardu) dan Bahagian D (Tahap Pembentukan Sahsiah Pelajar).

### c. Kaedah Analisis Kajian

Sumber dan maklumat yang diperolehi ialah dalam bentuk kuantitatif. Data yang diperolehi daripada soal selidik dimasukkan ke dalam komputer dan diproses menggunakan *Stastical Package for the Social Sciences (SPSS) version 22.0*. Data kemudiannya dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi (kolerasi Pearson). Analisis statistik deskriptif digunakan untuk mencari nilai min dan peratus.

### Analisis Data Deskriptif

Berdasarkan kepada agihan soal selidik yang diedarkan ke atas 100 orang responden, dapatan analisis adalah seperti dalam Jadual 1 (Persepsi Terhadap Amalan Solat Fardu), Jadual 2 (Tahap Kekerapan Pelaksanaan Solat Fardu) dan Jadual 3 (Tahap Pembentukan Sahsiah) adalah seperti berikut : -

Jadual 1: Analisis Persepsi Terhadap Amalan Solat Fardu

	PERSEPSI TERHADAP AMALAN SOLAT FARDU	PERATUS%					MIN
		STS	TS [X]	SS	S	SS [√]	
1	Meninggalkan solat fardu dengan sengaja itu boleh menyebabkan seseorang menjadi kafir.	3.0	5.0	7.0	33.0	52.0	4.26
2	Meninggalkan solat fardu dengan sengaja berdosa besar.	-	1.0	2.0	25.0	72.0	4.68
3	Mendirikan solat secara berjemaah di masjid pada awal waktu mendapat ganjaran yang besar.	-	-	-	26.0	74.0	4.74
4	Pengaruh kawan banyak mencorakkan diri saya untuk menunaikan solat solat fardu secara berjemaah.	-	1.0	5.0	44.0	50.0	4.43
5	Amalan solat fardu menjadikan seseorang itu dapat menjadi pelajar yang berjaya di dunia dan akhirat.	-	-	-	26.0	74.0	4.74
							4.57
<b>PURATA MIN KESELURUHAN</b>							

Skala : STS=Sgt Tidak setuju TS= Tidak Setuju[X] SS= Sederhana Setuju S= Setuju [√] SS= Sangat Setuju



Jadual 1 persepsi pelajar terhadap amalan solat fardu dan hubungannya dengan pembentukan sahsiah. Purata nilai min keseluruhan yang diperolehi ialah (min=4.57). Item 3 dan item 5 masing-masing mencatatkan nilai min tertinggi, (min=4.74). Item 3 berkaitan persepsi responden terhadap mendirikan solat secara berjemaah di masjid akan memperolehi ganjaran yang besar dengan peratusan tertinggi sangat setuju sebanyak 74%. Adapun item 5 mengenai persepsi responden bahawa amalan solat fardu menjadikan seseorang itu berdisiplin dan dapat menjadi pelajar yang berjaya di dunia dan akhirat, mencatatkan peratusan sangat setuju sebanyak 74 % dan nilai min adalah (min=4.74). Nilai min terendah ialah (min= 4.26). Ia diperolehi dari item 1 iaitu meninggalkan solat fardu dengan sengaja boleh menyebabkan seseorang menjadi kafir. Terdapat beberapa responden yang telah memilih skala sangat tidak setuju, 5 % dan tidak setuju 3 %. Persepsi mereka mungkin berlainan dengan kebanyakan responden yang memilih sangat setuju dengan peratusan sebanyak 52%.

Jadual 2: Analisis Tahap Kekerapan Pelaksanaan Solat Fardu

	TAHAP KEKERAPAN PELAKSANAAN SOLAT FARDU	PERATUS%				MIN
		TP	JJ	KK	K	
1	Saya mendirikan solat fardu Subuh pada awal waktu secara berjemaah	20.0	54.0	16.0	10.0	2.16
2	Saya mendirikan solat fardu Zohor pada awal waktu secara brjemaah	15.0	35.0	26.0	24.0	2.59
3	Saya mendirikan solat fardu Asar pada awal waktu secara berjemaah	17.0	26.0	37.0	20.0	2.60
4	Saya mendirikan solat fardu Maghrib awal waktu secara berjemaah	10.0	32.0	25.0	33.0	2.81
5	Saya mendirikan solat fardu Isyak awal waktu secara berjemaah	10.0	38.0	24.0	28.0	2.76
						2.58
	<b>PURATA MIN KESELURUHAN</b>					

Skala : TP=Tidak Pernah JJ= Jarang-Jarang KK= Kadang-Kadang K = Kerap

Jadual 2 pula menunjukkan maklumat tentang tahap kekerapan pelaksanaan amalan solat fardu Subuh, Zohor, Asar, Maghrib dan Isyak. Purata nilai min keseluruhan yang diperolehi ialah (min=2.58), di mana nilai min tertinggi,(min=2.81). Kebanyakan responden yang memilih sangat setuju dengan peratusan tertinggi 33 % terhadap item 4 iaitu mendirikan solat fardu Maghrib awal waktu secara berjemaah. Hal Ini diikuti dengan item 5 mengenai mendirikan solat fardu Isyak pada awal waktu secara berjemaah dengan nilai (min=2.76) dan sebanyak 28%responden memberikan jawapan sangat bersetuju. Nilai

57

**Cite as:** Mohd Khusyairie Marzuki, Mohd Muhiden Abdul Rahman & Affendi Ismail. (2019). Pembentukan sahsiah pelajar dan hubungannya dengan pelaksanaan amalan solat: kajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Kelantan. [The development of muslim student's character and its relationship with the practice of prayer: A study in a higher education institution in Kelantan]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(1), 49-65.

min terendah (min=2.16) yang diperolehi dari item 1 iaitu mendirikan solat fardu Subuh pada awal waktu secara berjemaah sebanyak 10 % sahaja responden yang sangat setuju, di mana mereka kerap menunaikan solat Subuh pada awal waktu secara berjemaah.

Jadual 3: Analisis Tahap Pembentukan Sahsiah Pelajar

TAHAP PELAJAR	PEMBENTUKAN	SAHSIAH	PERATUS%					MIN
			STS	TS [X]	SS	S	SS [√]	
1	Saya bersetuju bahawa amalan solat dapat membentuk akhlak pelajar.		-	-	11.0	25.0	64.0	4.53
2	Saya bersetuju ibu bapa berperanan penting dalam membentuk sahsiah pelajar		-	-	8.0	22.0	70.0	4.62
3	Saya bersetuju bahawa kawan dapat mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar		-	4.0	10.0	26.0	60.0	4.42
4	Program pembangunan insan yang diadakan di universiti dapat membentuk sahsiah pelajar		-	17.0	19.0	14.0	50.0	3.97
5	Aktiviti ko-kurikulum di universiti dapat membentuk sahsiah pelajar		5.0	10.0	23.0	27.0	35.0	3.77
								4.27
<b>PURATA MIN KESELURUHAN</b>								

Skala : STS=Sgt Tidak setuju TS= Tidak Setuju[X] SS= Sederhana Setuju S= Setuju [√] SS= Sangat Setuju

Jadual 3 menunjukkan maklumat keseluruhan tentang tahap pembentukan sahsiah pelajar di mana purata nilai min keseluruhan yang diperolehi ialah (min=4.27), di mana item 2 berkaitan dengan peranan ibu bapa yang sangat penting dalam membentuk sahsiah pelajar telah mencatatkan nilai min tertinggi (min=4.62) dengan peratusan sangat setuju 70%. Diikuti dengan nilai min kedua tertinggi dengan nilai (min=4.52) pada item 1 tentang amalan solat dapat membentuk akhlak pelajar. Ia mencatat peratusan kedua tertinggi iaitu 64 % responden memilih sangat setuju. Nilai min terendah (min= 3.77) yang diperolehi daripada item 5 iaitu mengenai aktiviti ko-kurikulum universiti dapat membentuk sahsiah pelajar dengan hanya 35% responden sangat setuju.

Jadual 4: Korelasi

		Persepsi Amalan Solat	Kekerapan Solat Fardhu	Tahap Pembentukan Sahsia
Persepsi Amalan Solat	Kolerasi Pearson	1	-.250*	-.324**
	2 sisi		.012	.001
	n	100	100	100
Kekerapan Solat Fardhu	Kolerasi Pearson	-.250*	1	.957**
	2 sisi	.012		.000
	n	100	100	100
Tahap Pembentukan Sahsia	Kolerasi Pearson	-.324**	.957**	1
	2 sisi	.001	.000	
	n	100	100	100

Coakes, S. J., Steed, L. & Dzidic, P. (2006). Menyatakan bahawa ujian korelasi digunakan untuk melihat hubungan antara dua pembolehubah secara garis lurus/linear. Oleh itu, umumnya pekali korelasi Pearson ( $r$ ) digunakan untuk mengukur hubungan linear antara dua pembolehubah. Menurut Coakes, Steed & Dzidic, semakin dekat pekali korelasi dengan satu, maka semakin hampir kesepaduan taburan data wujud. Nilai pekali korelasi adalah di antara  $-1$  dan  $+1$ . Jika korelasi pekali  $+1$  menunjukkan bahawa dua pembolehubah secara sempurna berkaitan satu sama lain secara positif, manakala pekali korelasi  $-1$  menunjukkan bahawa dua pembolehubah secara sempurna berkaitan secara negatif. Jika korelasi menunjukkan nilai  $0$ , maka ini menunjukkan tidak ada hubungan linear antara dua pembolehubah berkenaan.


Nilai korelasi  $0.80$  dianggap sangat tinggi,  $0.60$  hingga  $0.80$  dianggap tinggi,  $0.40$  hingga  $0.60$  dianggap sederhana,  $0.20$  hingga  $0.40$  dianggap rendah dan di bawah  $0.20$  dianggap terlalu rendah. Dua simbol yang sering digunakan untuk menggambarkan pekali ialah  $p$  dan  $r$ . Dengan ini, analisis korelasi boleh diertikan sebagai ujian menentukan hubungan antara dua pembolehubah serentak dalam satu model.

Jadual 4 menunjukkan nilai pekali Pearson,  $r$ , di antara item Persepsi A malan Solat Fardu dan item Kekerapan Solat Fardu adalah  $-0.250$ , satu hubungan negatif yang rendah dan nilai ini adalah signifikan ( $p < 0.05$ ). Nilai  $r$  ini menunjukkan indikator wujud perhubungan negatif yang rendah dan signifikan,  $r = -0.250$ ,  $n = 100$ ,  $p < 0.05$ .

Seterusnya, nilai pekali Pearson,  $r$ , di antara item Persepsi amalan solat fardu dan item tahap pembentukan sahsiah adalah  $-0.324$ , satu hubungan negatif yang rendah dan nilai ini adalah signifikan ( $p < 0.05$ ). Nilai  $r$  ini menunjukkan indikator wujud perhubungan negatif yang rendah dan signifikan,  $r = -0.324$ ,  $n = 100$ ,  $p < 0.05$ .

Selain itu, nilai pekali Pearson,  $r$ , di antara item Kekerapan solat fardhu dan item tahap pembentukan sahsiah adalah 0.957, satu hubungan positif yang kuat dan nilai ini adalah signifikan ( $p < 0.05$ ). Nilai  $r$  ini menunjukkan indikator wujud perhubungan positif yang kuat dan signifikan,  $r = 0.957$ ,  $n = 100$ ,  $p < 0.05$ .

Pembentukan sahsiah pelajar dan hubungannya dengan pelaksanaan amalan solat fardhu dapat dilihat seperti dalam rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Pembentukan Sahsiah dan Kekerapan Solat

Nilai  $R^2 = 0.916$  pada graf dinamakan *coefficient of determination* yang membawa maksud 91.6% kekerapan solat fardhu pada awal waktu secara berjemaah menyumbang secara langsung kepada perubahan tahap pembentukan sahsiah pelajar dan hubungan ini adalah kelihatan linear. Dengan ini bolehlah statistik parametrik *kolerasi pearson* dijalankan bagi menguji soalan kajian setelah memenuhi semua syarat.

### Tahap Pembentukan Sahsiah Pelajar UITM Kelantan Kampus Kota Bharu

Merujuk kepada objektif kajian pertama iaitu mengkaji tahap pembentukan sahsiah dalam kalangan pelajar. Majoriti responden telah memilih skala sangat setuju pada item ibu bapa

berperanan penting dalam membentuk sahsiah pelajar dan mereka memberikan maklum balas yang positif terhadap item ke 4 mengenai tahap pembentukan sahsiah pelajar.

Purata nilai min keseluruhan yang diperolehi ialah (min= 4.27), di mana item 2 berkaitan peranan ibu bapa yang sangat penting dalam membentuk sahsiah pelajar telah mencatatkan nilai min tertinggi (min=4.62) dengan peratusan sangat setuju 70%. Sewajarnya pendidikan awal anak-anak bermula di rumah sejak kecil lagi. Setiap bayi dilahirkan dalam keadaan fitrah. Maka ibu bapanya yang mencorakkan kehidupannya untuk menjadi seorang Muslim yang taat kepada Allah. Abdullah Nasih Ulwan. (1998) menjelaskan tentang pendidikan anak-anak menerusi kitabnya yang berjudul *Tarbiyyah al-Aulad fi Islam*. Menurut beliau, pendidikan yang utama dan pertama bagi seorang anak ialah pendidikan tauhid (*makrifatullah*) iaitu mengenal Allah dan beriman kepadaNya.

Diikuti dengan nilai min kedua tertinggi dengan nilai (min= 4.52) pada item 1 tentang amalan solat dapat membentuk akhlak pelajar. Ia mencatat peratusan kedua tertinggi iaitu 64 % responden memilih sangat setuju. Ini memberikan isyarat bahawa kebanyakan responden bersetuju menyatakan bahawa amalan solat dapat membentuk sahsiah pelajar dengan dibantu oleh ibu bapa di rumah dalam mendidik dan mengasuh anak-anak menunaikan solat fardu.

Walau bagaimanapun, nilai min terendah, (min=3.77) yang diperolehi daripada item 5, mengenai aktiviti ko-kurikulum universiti dapat membentuk sahsiah pelajar dengan hanya 35% responden sangat setuju. Ini memberikan gambaran bahawa usaha dari pelbagai pihak sangat diperlukan untuk membentuk sahsiah pelajar bermula dari rumah, sekolah dan seterusnya melanjutkan pengajian di universiti. Ini kerana, masih ramai responden yang memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar untuk mengukuhkan kefahaman tentang kesempurnaan solat.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian dalam bahagian ini menjelaskan bahawa majoriti responden dapat memahami tentang kepentingan pembentukan sahsiah melalui amalan solat fardu, namun pendekatan dalam pelaksanaannya memerlukan bimbingan khusus dan didikan yang lebih terfokus untuk memantapkan lagi tahap pembentukan sahsiah khususnya dalam kalangan pelajar UiTM Kelantan kampus Kota Bharu.

### Tahap Kekerapan Pelaksanaan Solat Fardu Dalam Kalangan Pelajar UiTM Kota Bharu

Berdasarkan objektif kedua menunjukkan maklumat keseluruhan bagi tahap pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar. Dengan kata lain, ianya bertujuan untuk melihat tahap kekerapan pelaksanaan amalan solat Subuh, solat Zohor, solat Asar, solat Maghrib dan

solat Isyak. Purata nilai min keseluruhan yang diperolehi ialah (min=2.58), di mana nilai min tertinggi, (min= 2.81).

Kebanyakan responden memilih sangat setuju dengan peratusan tertinggi 33 % terhadap item 4 mendirikan solat fardu Maghrib awal waktu secara berjemaah. Ini diikuti dengan item 5 mengenai mendirikan solat fardu Isyak awal waktu secara berjemaah dengan nilai (min =2.76) dan sebanyak 28% responden memberikan jawapan sangat bersetuju. Kedua-dua waktu Maghrib dan Isyak mencatatkan peratusan yang tinggi responden menunaikan solat fardu pada awal waktu secara berjemaah. Kebiasaannya waktu antara Maghrib dan Isyak ini diisi dengan pelbagai ceramah dan kuliah agama.

Adapun nilai min terendah (min=2.16) yang diperolehi dari item ke 1 mendirikan solat fardu Subuh pada awal waktu secara berjemaah. Sebanyak 10 % sahaja responden yang sangat setuju, mereka kerap menunaikan solat Subuh pada awal waktu secara berjemaah. Peratusan yang terendah ini menjelaskan bahawa pembentukan sahsiah pelajar masih berada pada tahap yang rendah. Ini kerana terdapat banyak kelebihan dan fadhilat menunaikan solat Subuh secara berjemaah, apatlah lagi jika dapat pergi solat di masjid.

Kesimpulannya, dapatan pada bahagian ini menjelaskan bahawa terdapat beberapa faktor pendorong yang menyumbang kepada seseorang untuk menunaikan solat fardu. Kajian ini bertepatan dengan hasil kajian yang telah dilakukan oleh Isyah Radiah. (2000) yang menekankan peranan ibu bapa terhadap pendidikan solat anak-anak dan remaja. Kajian ini juga bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan dan kaedah pendidikan ibu bapa dalam mendidik anak-anak serta kesan ke atas pembentukan sahsiah individu.

### **Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Solat Fardu dan Hubungannya Dengan Pembentukan Sahsiah**

Objektif ketiga mengenai persepsi pelajar terhadap amalan solat dan hubungannya dengan pembentukan sahsiah, dapatan kajian menunjukkan bahawa purata nilai min keseluruhan yang diperolehi ialah (min=4.57). Item 3 dan item 5 masing-masing mencatatkan nilai min tertinggi, (min=4.74). Item 3 berkaitan persepsi responden terhadap mendirikan solat secara berjemaah di masjid memperoleh ganjaran yang besar dengan peratusan tertinggi sangat setuju sebanyak 74%. Ini memberikan satu isyarat bahawa responden mengetahui tentang kelebihan menunaikan solat di masjid secara berjemaah.

Begitu juga dengan item 5 mengenai persepsi responden bahawa amalan solat fardu menjadikan seseorang itu berdisiplin dan dapat menjadi pelajar yang berjaya di dunia

dan akhirat, mencatatkan peratusan sangat setuju sebanyak 74 % dan nilai (min=4.74). Ini menggambarkan bahawa majoriti responden mengetahui bahawa amalan solat fardu yang dijaga dengan baik dapat menyumbang kepada pembentukan sahsiah pelajar. Dapatan kajian menunjukkan pelajar yang sentiasa menjaga ibadah solatnya mempunyai keperibadian sahsiah yang mulia di samping memperolehi keputusan akademik cemerlang.

Nilai min terendah ialah (min=4.26). Ia diperolehi dari item 1 meninggalkan solat fardu dengan sengaja boleh menyebabkan seseorang menjadi kafir. Terdapat beberapa orang responden yang telah memilih skala sangat tidak setuju, 5 % dan tidak setuju 3 %. Persepsi mereka mungkin berlainan dengan kebanyakan responden yang memilih sangat setuju dengan peratusan sebanyak 52%. Ini menunjukkan bahawa ada kalangan responden menganggap bahawa seseorang yang meninggalkan solat fardu secara sengaja, belum sampai tahap jatuh kafir. Abi Bakr Jabir al-Jaza'iriy, (2000) seorang sarjana Islam mengatakan meninggalkan solat dengan sengaja boleh menyebabkan seorang itu menjadi fasiq.

Kajian ini merumuskan bahawa seorang pelajar yang menjaga amalan solat, sering dikaitkan memiliki sahsiah mulia. Sebaliknya mereka yang cuai dengan pelaksanaan solat pula dikenal pasti menjadi salah satu faktor yang sebaliknya. Oleh itu, amalan solat para pelajar IPT dapat menjadi kayu ukur kepada kejayaan pembentukan sahsiah peribadi mereka, sebaliknya pengabaian amalan solat menatijahkan situasi sahsiah pelajar yang agak negatif.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menjelaskan bahawa majoriti responden dapat memahami tentang kepentingan pembentukan sahsiah melalui amalan solat fardu, namun pendekatan dalam pelaksanaannya memerlukan bimbingan khusus dan didikan yang lebih terfokus untuk memantapkan lagi tahap pembentukan sahsiah khususnya dalam kalangan pelajar UiTM Kelantan kampus Kota Bharu. Dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor pendorong yang menyumbang kepada seseorang untuk menunaikan solat fardu. Ia bertepatan dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Isyah Radiah. (2000) yang menekankan terhadap peranan ibu bapa terhadap pendidikan solat anak-anak dan remaja. Kajian beliau ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan dan kaedah pendidikan ibu bapa dalam mendidik anak-anak serta kesan ke atas individu. Kajian ini merumuskan bahawa seorang pelajar yang menjaga amalan solat, sering dikaitkan dapat memiliki sahsiah yang mulia. Sebaliknya mereka yang cuai dengan pelaksanaan solat pula dikenal pasti menjadi salah satu faktor yang sebaliknya. Oleh itu, amalan solat para pelajar IPT dapat menjadi kayu ukur kepada kejayaan pembentukan sahsiah mereka, sebaliknya

pengabaian amalan solat menatijahkan situasi sahsiah pelajar yang agak negatif. Akhirnya, makalah ini telah berjaya menunjukkan wujudnya indikator perhubungan positif yang kuat bahawa solat fardu dapat menjadi kayu ukur kepada kejayaan pembentukan sahsiah pelajar. Dicadangkan kepada pihak pengurusan UiTM agar dapat memberi penekanan yang serius terhadap pelaksanaan solat fardu dengan menjelaskan kepentingannya kepada para pelajar.

## Rujukan

- Abdullah Nasih Ulwan. (1998). *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam*. Kaherah: Darussalam.
- Abi Bakr Jabir al-Jaza'iriy. (2000). *Minhaj al-Muslim*. Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-Ulum wa Hikam.
- Ahmad Baie Jaafar. (2014). *Solat yang Sempurna*. Batu Caves: Marzuq e Media.
- Ahmad Sunawari Long. (2005). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Hisham Azizan. (2009). Solat dan Nilai-Nilai Spiritual Dalam Menangani Gelisah Dalam Kalangan Remaja Islam: Kajian di Sekolah Berasama Penuh Integrasi (SBPI), Selangor. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Coakes, S.J., Steed, L. & Dzidic, P. (2006). *SPSS, Version 13.0 for Windows*. Analysis without Anguish. Australia : John Wiley and Sons.
- Hasan Salman. (2008). *Kesilapan & Kekeliruan yang Sering Terjadi Ketika Solat*. Puchong: Berlian Publications Sdn. Bhd.
- Isyah Radiah Idris. (2000). Pendidikan Solat oleh Ibu Bapa Terhadap Anak-Anak dan Remaja di Kota Bharu, Kelantan. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Lukman Hakimi Ahmad. (2014). Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam Dalam Pembentukan Sahhsiah Muslim: Kajian Terhadap Pelajar di Politeknik Pantai Timur. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohamad Yusri Yubhi Md Yusoff. (2004). Kefahaman dan Pengamalan Solat Berdasarkan Sunnah Rasulullah "Satu Kajian di Kalangan Masyarakat Islam di Singapura, Disertasi Sarjana, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Mohd Majid Konting. (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Nor Azlina Mat Jusoh. (2004). Keberkesanan Pembangunan Sahhsiah Remaja Jabatan Belia Besut, Terengganu. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Othman Mohamed. (2001). *Penulisan Tesis dalam bidang Sains Sosial Terapan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.



- Othman Talib. (2015). *SPSS Analisis Data Kuantitatif untuk Penyelidik Muda*. Bangi: MPWS Rich Publications.
- Rashidi Abbas. (2014). *Pembangunan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia Menerusi Penerapan Kemahiran Insaniah*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zaharuddin Abd Rahman. (2012). *Formula Solat Sempurna*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.